

18 JAN 2002

Mahathir-Lawat

DR MAHATHIR LAWAT BEKAS PEJUANG UMNO DI HOSPITAL

ALOR SETAR, 18 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad petang ini meluangkan masa menziarahi seorang pengasas UMNO bahagian Kubang Pasu, Haji Hussin Talib di Hospital Besar Alor Setar.

Haji Hussin, 83, dimasukkan ke hospital tiga hari lalu kerana sakit usus.

Ketibaan Perdana Menteri di hospital itu disambut oleh anggota Exco kerajaan negeri, Datuk V. Saravanan, Timbalan Pengarah Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kedah, Dr. Hasnah Ismail, Pengarah Hospital Besar Alor Setar, Dr. Che Pah Ahmad dan kakitangan hospital.

Beliau diiringi Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Haji Hussin merupakan ahli SABERKAS sebelum UMNO Kubang Pasu ditubuhkan dan menjadi jurucakap bahasa Siam kepada pemimpin-pemimpin UMNO bahagian itu dan negeri Kedah pada tahun 50-an dan 60-an.

Ketika ditemui selepas itu, Haji Hussin berkata beliau gembira bertemu Perdana Menteri selepas lebih 10 tahun mereka tidak bertemu.

Anak beliau, Haji Saad, adalah bekas wakil peribadi Dr. Mahathir selaku anggota Parlimen Kubang Pasu selama hampir 15 tahun sebelum digantikan dengan bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff dua tahun lalu.

Dr Mahathir turut melawat beberapa orang lagi pesakit di hospital itu.

Antaranya Mohd Rosmadi Mohd Fadzil, 25, menantu Ketua Wanita UMNO Kedah, Datuk Rokiah Zainuddin. Mohd Rosmadi menerima rawatan kerana sakit batu karang sejak 13 hari lalu.

Perdana Menteri kemudian menghadiri majlis samubutan Hari Raya UMNO Negeri Kedah di Bangunan Tunku di sini.

-- BERNAMA

ZA NMO